

**TEKS UCAPAN
YBHG. DATUK SERI DR. ABDUL FATTAH
ABDULLAH
PRESIDEN ANGKASA**

**MAJLIS PENUTUPAN PROGRAM
PELANTIKAN KOPERASI SEBAGAI “RAKAN
KOPERASI MYANGKASA BINA SDN BHD
4 JUN 2026 (KHAMIS)
10.00 PAGI
HOTEL GRAND DORSETT, SUBANG JAYA
SELANGOR**

Bismillahirrahmanirrahim

Assalamualaikum

Warahmatullahi

Wabarakatuh

Salam Sejahtera, Salam Malaysia Madani
dan Salam Koperasi

Alhamdulillah, setinggi-tinggi kesyukuran
dipanjatkan ke hadrat Allah SWT kerana
dengan limpah rahmat dan izin-Nya, kita

dapat bersama-sama menghadiri dan menjayakan Majlis Jalinan Strategik Rakan Koperasi MyAngkasa Bina Sdn. Bhd. pada hari ini dengan penuh jayanya.

Terlebih dahulu, saya ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan ucapan terima kasih kepada semua pihak yang hadir, khususnya kepada 12 koperasi yang telah bersama-sama menjalin kerjasama strategik bersama MyAngkasa Bina Sdn. Bhd. Kehadiran dan komitmen yang diberikan amat bermakna dalam memperkukuhkan hubungan kerjasama demi manfaat masyarakat dan komuniti setempat.

Hadirin yang dihormati

MyAngkasa Bina Sdn. Bhd. ditubuhkan dengan matlamat untuk memperkasa pembangunan komuniti melalui inisiatif pembangunan dan pembiayaan perumahan yang lebih sistematik, inklusif dan mampu milik. Sejak penubuhannya,

syarikat sentiasa komited dalam membantu masyarakat memiliki kediaman yang lebih selesa serta berkualiti melalui pelbagai projek pembangunan yang dirancang dan dilaksanakan.

Berpandukan visi untuk menjadi peneraju pembangunan dan pembiayaan perumahan mampu milik yang dipercayai dan berdaya saing di Malaysia, MyAngkasa Bina Sdn. Bhd. terus bergerak ke hadapan dengan misi menyediakan penyelesaian perumahan berkualiti, memperkukuhkan kerjasama bersama koperasi serta meningkatkan kesejahteraan ekonomi masyarakat secara mampan.

Dalam usaha merealisasikan matlamat tersebut, syarikat turut memberi penekanan kepada beberapa objektif utama, antaranya membantu golongan sasaran memiliki rumah sendiri melalui skim yang lebih fleksibel, memperluaskan

jaringan kerjasama strategik bersama koperasi di seluruh negara serta meningkatkan keyakinan masyarakat terhadap projek pembangunan yang dilaksanakan.

Alhamdulillah, sehingga hari ini MyAngkasa Bina Sdn. Bhd. telah berjaya mencapai beberapa pencapaian penting termasuk pelaksanaan projek pembangunan perumahan mampu milik di beberapa lokasi strategik, pelaksanaan Program MyVilla di bawah Skim Miliki RumahKu (SMR), serta pembentukan jaringan kerjasama bersama koperasi-koperasi tempatan sebagai wakil sokongan komuniti dan wakil kutipan pembayaran.

Hadirin yang dihormati,

Landskap hartanah negara pada hari ini menunjukkan perkembangan yang amat memberangsangkan. Menurut Laporan Pasaran Harta 2025 yang dikeluarkan oleh

Jabatan Penilaian dan Perkhidmatan Harta (JPPH), nilai transaksi hartanah negara telah mencapai RM241.87 bilion pada tahun 2025, sekali gus mencatatkan prestasi tertinggi dalam tempoh sedekad. Pencapaian ini membuktikan bahawa sektor hartanah kekal sebagai antara pamacu utama ekonomi negara serta terus mendapat keyakinan pelabur dan pembeli.

Kerajaan MADANI juga terus memberikan tumpuan serius terhadap agenda perumahan rakyat. Menerusi Rancangan Malaysia Ke-13 (RMK13), kerajaan telah menyasarkan pembinaan satu juta unit rumah mampu milik dalam tempoh 2026 hingga 2035 melalui kerjasama Kerajaan Persekutuan, kerajaan negeri dan sektor swasta. Sasaran yang besar ini menunjukkan bahawa sektor perumahan akan terus berkembang dan membuka pelbagai peluang ekonomi kepada semua pihak yang terlibat dalam rantai industri hartanah negara.

Walaupun pasaran terus berkembang, cabaran berkaitan kemampuan memiliki rumah dan padanan antara permintaan serta penawaran masih menjadi isu yang perlu diberi perhatian. Kerajaan turut memperluaskan pelbagai inisiatif seperti skim jaminan kredit perumahan dan program Rent-To-Own bagi membantu lebih ramai rakyat memiliki kediaman sendiri. Ini menunjukkan bahawa permintaan terhadap rumah mampu milik akan terus meningkat pada masa hadapan.

Dalam konteks ini, gerakan koperasi tidak boleh hanya menjadi pengguna atau pemerhati kepada perkembangan industri hartanah. Sebaliknya, koperasi perlu tampil sebagai pemain utama yang membantu menyediakan penyelesaian perumahan kepada anggota dan masyarakat. Dengan kekuatan lebih tujuh juta anggota koperasi di seluruh negara, gerakan koperasi mempunyai pasaran,

jaringan dan kepercayaan komuniti yang sangat besar untuk diterjemahkan kepada peluang perniagaan dalam sektor hartanah dan perumahan.

Saya melihat koperasi perlu berani merebut peluang ini dengan menjadi agen pemasaran projek perumahan, agen pengumpulan pembeli, penyedia perkhidmatan pembiayaan, pemilik tanah strategik, malah pemaju hartanah koperasi pada masa hadapan. Jika gerakan koperasi berjaya menguasai sebahagian kecil daripada pertumbuhan sektor hartanah yang bernilai ratusan bilion ringgit ini, ia bukan sahaja mampu meningkatkan pendapatan koperasi malah dapat membantu kerajaan merealisasikan agenda menyediakan kediaman berkualiti dan mampu milik kepada rakyat. Inilah masanya untuk koperasi bergerak daripada sekadar pengguna hartanah kepada penyedia hartanah dan pemangkin pembangunan komuniti.

Hadirin yang dihormati,

Bagi perancangan masa hadapan, MyAngkasa Bina Sdn. Bhd. mensasarkan untuk memperluaskan lagi pembangunan projek perumahan ke seluruh Malaysia dengan nilai pembangunan yang lebih besar dan berimpak tinggi. Syarikat juga menyasarkan peningkatan nilai projek sehingga mencapai puluhan juta ringgit dalam tempoh beberapa tahun akan datang serta memperkukuhkan lagi jaringan kerjasama bersama koperasi sebagai rakan strategik utama syarikat.

Saya percaya bahawa kerjasama erat antara MyAngkasa Bina Sdn. Bhd. dan koperasi-koperasi yang terlibat akan menjadi pemangkin kepada kejayaan yang lebih besar pada masa hadapan. Sesungguhnya, kejayaan sesuatu organisasi bukan hanya bergantung kepada kekuatan dalaman semata-mata, tetapi memerlukan sokongan,

kepercayaan dan kerjasama strategik daripada semua pihak.

Akhir kata, sekali lagi saya ingin mengucapkan jutaan terima kasih kepada semua pihak yang telah terlibat secara langsung mahupun tidak langsung dalam menjayakan majlis ini. Semoga hubungan strategik yang terjalin pada hari ini akan terus diperkukuhkan demi manfaat bersama dan kesejahteraan masyarakat.

Dengan lafaz Wabillahi Taufik Walhidayah,
assalamualaikum Warahmatullahi
Wabarakatuh.

Dengan ini, saya dengan sukacitanya merasmikan penutupan Majlis Jalinan Strategik Rakan Koperasi MyAngkasa Bina Sdn. Bhd.

Sekian, terima kasih.